



# DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR DAN PELAN TINDAKAN 2022-2025



***“Anak Selangor Anak Kita”***

Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga



# KANDUNGAN

01

## KATA ALU-ALUAN

YAB Dato' Menteri Besar Selangor	3
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita & Keluarga	5
Ringkasan Eksekutif	
• Kumpulan Sasar Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor	6
• 10 Domain Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022-2025	6

---

02

## BAB 1: PENGENALAN

Latar Belakang	9
Objektif Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025	
Keperluan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022 - 2025	11

---

03

## BAB 2: SENARIO PEMBANGUNAN KANAK-KANAK SELANGOR

Sejarah dan Perkembangan Semasa Pembangunan Kanak-Kanak	15
Inisiatif Pembangunan Kanak-Kanak di Peringkat Negeri	17
Statistik Kanak-Kanak di Negeri Selangor	23

---

04

## BAB 3: PELAKSANAAN KAJIAN DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR & PELAN TINDAKAN 2022 - 2025

Kronologi Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022 - 2025	29
--	----

---

05

## BAB 4: BIDANG KEUTAMAAN DASAR DAN STRATEGI PELAKSANAAN

10 Domain Utama Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022 - 2025	31
--	----

---

06

## BAB 5: HARAPAN MENUJU 2025

57

---

07

## BAB 6: PENUTUP

61

---

08

## SENARAI AKRONIM DAN SINGKATAN

62

# KATA ALUAN

## BUKU DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR & PELAN TINDAKAN 2022-2025



### MENTERI BESAR SELANGOR

Selangor dikenali sebagai negeri termaju di Malaysia, dengan kepesatan pembangunan ekonomi diseimbangi peningkatan jumlah penduduk saban tahun. Dengan populasi kira-kira 7 juta penduduk, kebajikan dan pembangunan sosial menjadi salah satu titik tumpuan utama pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, terutamanya berhubung keperluan dan kesejahteraan golongan kanak-kanak di negeri ini.

Seperti mana yang dapat ditelusuri dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, golongan kanak-kanak menerima tempas yang amat besar disebabkan penularan pandemik Covid-19 sehingga mengakibatkan pelbagai isu yang masih belum dapat diselesaikan secara menyeluruh – merangkumi aspek penjagaan awal, pendidikan, kesihatan, komunikasi, kepimpinan, dan lain-lain lagi. Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan pelbagai program dan inisiatif di bawah Iltizam Selangor Penyayang, di samping pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin dan Kita Selangor supaya jurang yang timbul dalam kalangan kanak-kanak dapat ditangani secara efektif dan tuntas.

Melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang telah dirangka dan dibentangkan, kesejahteraan dan keterangkuman sosial diletakkan sebagai salah sebuah teras utama pembangunan negeri Selangor, di mana kebajikan dan kesejahteraan segmen kanak-kanak turut menerima perhatian yang sewajarnya dalam kerangka pengukuhan pendidikan, kesihatan kebajikan kanak-kanak berkeperluan khas dan institusi keluarga – tidak mengira latar belakang sosioekonomi mahupun demografi.

Penghasilan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor yang akan bertindak sebagai dokumen panduan atau 'blueprint' pembentukan segmen kanak-kanak amat saya banggakan. Dasar yang julung kali diperkenalkan di peringkat negeri Selangor berpotensi memandu hala tuju segmen tersebut secara bersepadu, melalui perancangan yang jitu dan sasaran yang realistik.

Saya percaya, Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor yang progresif dan komprehensif akan meletakkan Selangor sebagai salah sebuah negeri terulung dalam aspek kesejahteraan kanak-kanak. Domain yang dikenalpasti dan langkah-langkah yang disusun adalah praktikal dan selari dengan situasi terkini, manakala penglibatan pemegang taruh yang meluas pastinya akan memperlihatkan ruang penambahbaikan dan mempertingkatkan kemampuan ekosistem negeri Selangor dalam membangunkan jati diri dan kebolehan kanak-kanak dari umur yang muda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan merakamkan sekalung penghargaan buat YB Dr. Siti Mariah Mahmud selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga. Di bawah kepimpinan beliau, hak dan keperluan kanak-kanak di negeri Selangor kian terbela dan terpelihara. Dengan penglibatan agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang turut bersama memberikan tumpuan penuh kepada segmen kanak-kanak, saya yakin generasi muda Selangor akan semakin sejahtera.

Seiring dengan aspirasi 'Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur' yang diterapkan dalam RS-1 dan 'Anak Selangor Anak Kita' yang menjadi tema utama Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor, saya mendoakan agar segmen kanak-kanak di negeri Selangor menerima manfaat jangka pendek, sederhana dan panjang daripada dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor. Kemakmuran berkekalan negeri tercinta ini bergantung kepada kemampuan semua pihak untuk bergerak bersama demi merealisasikan visi Kerajaan Negeri Selangor, dan fokus khusus kepada pembangunan segmen kanak-kanak pastinya akan melancarkan pelaksanaan pelan-pelan sedia ada dalam tempoh terdekat, sekaligus meletakkan Selangor sebagai salah sebuah negeri contoh yang kompetitif dan terbilang.

**DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**  
***Dato' Menteri Besar Selangor***

# KATA ALUAN

## BUKU DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR & PELAN TINDAKAN 2022-2025



### **PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP KESIHATAN AWAM, PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA**

Alhamdulillah, segala puji ke hadrat Illahi di atas penghasilan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor untuk merencana hala tuju dan gerak kerja melibatkan segmen kanak-kanak di negeri ini. Dasar yang dilihat sesuai dengan keadaan semasa ini dijangka dapat menyemarakkan program, inisiatif dan pelan tindakan untuk kanak-kanak, dan dalam masa yang sama memberdaya para pemegang taruh baik di peringkat negeri mahupun tempatan agar terlibat secara terus dalam proses pembangunan kanak-kanak dalam jangka panjang.

Dengan tema 'Anak Selangor Anak Kita', Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor mempunyai visi yang besar, iaitu untuk mewujudkan golongan kanak-kanak yang terpelihara dari sudut hak, kebajikan, akses kepada sumber dan pembangunan potensi dengan mengambil kira peranan semua pihak yang berkepentingan, (termasuk ibu bapa, pemimpin komuniti, institusi berkaitan dan agensi kerajaan) dan memastikan tiada satu pun kanak-kanak yang ketinggalan atau tercicir. Ia juga bertujuan mempersiapkan segmen kanak-kanak di negeri Selangor untuk mengharungi cabaran masa kini dan akan datang, khususnya

dalam aspek penugasaan skil komunikasi, pendidikan, kewangan, pekerjaan dan pendedahan kepada aspek demokrasi dan urus tadbir – dengan mengambil kira cabaran-cabaran dan halangan utama yang mungkin masih berterusan diakibatkan pandemik Covid-19.

Pembentukan dasar ini memperlihatkan komitmen dan usaha strategik pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya tenaga yang diggembeng disalurkan kepada masyarakat (khususnya kepada segmen kanak-kanak) secara berfokus, tersusun dan berpandukan rujukan yang holistik.

Jutaan terima kasih saya ucapkan buat pihak Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan Merdeka Center for Opinion Research ('Merdeka Center') yang terlibat dalam proses penghasilan dokumen dasar ini, merangkumi unsur kajian, perangkaan elemen dasar dan pelan tindakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor bagi kemaslahatan kanak-kanak negeri Selangor.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih buat YAB Dato' Seri Amirudin Shari yang memberi sokongan tanpa henti demi memacu agenda pembanguann dan kesejahteraan kanak-kanak di negeri Selangor. Sejak 2018, peruntukan yang amat besar telah disalurkan demi membantu melaksanakan program dan inisiatif yang bersesuaian untuk segmen ini, dan dedikasi serta perhatian YAB Menteri Besar amat dihargai

Harapan saya, semoga dasar yang telah dibangunkan ini dapat membantu melindungi golongan kanak-kanak di negeri Selangor, dan mengembangkan potensi anak-anak yang kita sayangi. Kepimpinan dan kegemilangan Selangor di masa akan datang bergantung kepada pembentukan generasi muda yang cemerlang, berwawasan dan dinamik – dan generasi ini hanya dapat dilahirkan sekiranya proses tersebut bermula daripada tahap yang awal.

### **YB PUAN DR. SITI MARIAH MAHMUD**

***Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam,  
Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga***

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**03** METODOLOGI  
UTAMA  
KAJIAN

**10** 10 DOMAIN UTAMA  
DASAR PEMBANGUNAN  
KANAK-KANAK NEGERI  
SELANGOR & PELAN  
TINDAKAN 2022 - 2025

## CABARAN KANAK-KANAK SELANGOR MASA KINI

### EKONOMI

Kemampuan berbelanja ibu bapa menurun disebabkan pandemik COVID-19 dan Perintah Pergerakan Kawalan (PKP)

Kestabilan kewangan ibu bapa terganggu kerana isu pekerjaan, pendapatan tidak menentu dan kos sara hidup yang semakin tinggi

### KOMUNITI

Ketidakjaminan pengambilan zat makanan

Isu penderaan kanak-kanak

Penjagaan awal kanak-kanak

Kadar keciciran kanak-kanak daripada sistem pendidikan

Isu pembuangan bayi dan keperluan pendidikan kesihatan reproduktif

Kesedaran tentang pendidikan sivil sempena Undi18

### PERSEKITARAN

Keselamatan kanak-kanak

Masalah kesihatan kanak-kanak (fizikal, mental dan kognitif)

# KUMPULAN SASAR DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR & PELAN TINDAKAN 2022 - 2025

**01**

**Bayi dan Kanak-kanak**  
(Infants & Toddlers)  
(0-4 tahun)



**03**

**Pelajar Sekolah Rendah**  
(Primary Students)  
(7-12 tahun)



**02**

**Pra-sekolah**  
(Pre-schoolers)  
(5-6 tahun)



**04**

**Pelajar Sekolah Menengah**  
(Secondary Students)  
(13-17 tahun)

## TAKRIF UMUR KANAK-KANAK

SUMBER: Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak & Akta Kanak-Kanak 2001  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat



# 10 Domain Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022-2025



<b>Domain 1</b> Persediaan keibubapaan & pra-kelahiran	<b>Domain 2</b> Pendidikan & penjagaan awal kanak-kanak	<b>Domain 3</b> Pendidikan (peringkat rendah & menengah)	<b>Domain 4</b> Kesihatan	<b>Domain 5</b> Kesejahteraan keluarga
<b>Domain 6</b> Perkembangan sosial & komunikasi	<b>Domain 7</b> Teknologi dalam perkembangan kanak-kanak	<b>Domain 8</b> Infrastruktur dan keselamatan	<b>Domain 9</b> Tahap sosioekonomi keluarga	<b>Domain 10</b> Penglibatan pemegang taruh







## LATAR BELAKANG



Kanak-kanak merupakan aset negara dan modal insan yang bakal mengemudi tampuk kepimpinan negara. Oleh itu, pelaburan yang berterusan wajar diutamakan dalam aspek kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak mahupun masyarakat yang berhubung kait dengan perkembangan kehidupan mereka. Pembangunan modal insan ini dapat mencapai tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Strategi teras yang terkandung dalam Dasar Kanak-Kanak Negara menegaskan elemen perlindungan untuk menjamin keselamatan kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi di samping mempertahankan hak mereka.

Seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang individu yang berada di bawah umur 18 tahun. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara juga telah dibentuk berpandukan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001 demi melindungi kebajikan dan kepentingan kanak-kanak di negara ini.

Kanak-kanak memerlukan tumpuan dan perhatian secukupnya daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling apabila sedang membesar. Perubahan dan perkembangan fizikal, pembelajaran kemahiran dan skil, serta pergaulan dan interaksi dengan dunia luar segmen kanak-kanak wajar diberi fokus yang bersesuaian oleh para penjaga dan pemegang taruh supaya kanak-kanak dapat dibentuk secara menyeluruh. Pembangunan kanak-kanak merangkumi beberapa aspek, termasuk pembangunan kognitif dan fizikal, kemahiran bahasa dan perkembangan sosial.

Pembangunan kanak-kanak yang berlaku dari kelahiran hingga ke alam dewasa memerlukan usaha-usaha yang utuh untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan mereka dalam semua aspek kehidupan. Mereka bukan sahaja wajar dilengkapi dengan ilmu pengetahuan tetapi juga kemahiran tertentu sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Justeru, kerjasama dari pelbagai pihak berhubung kait pembangunan kanak-kanak amat diperlukan untuk menghasilkan inisiatif yang pragmatik dan komprehensif sejajar dengan keperluan semasa.

Di negeri Selangor, jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mewakili 27.4% daripada jumlah penduduk negara, iaitu sekitar 1.9 juta kanak-kanak. Pecahan jumlah kanak-kanak ini mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kategori umur kanak-kanak di negeri Selangor dan anggaran populasi

Kategori Umur (Tahun)	Anggaran (Orang)
<b>Bayi</b> ( <i>Infants</i> ) (0-4)	542,000
<b>Pra-sekolah</b> ( <i>Pre-schoolers</i> ) (5-6)	229,000
<b>Sekolah Rendah</b> ( <i>Primary school</i> ) (7-12)	662,000
<b>Sekolah Menengah</b> ( <i>Secondary school</i> ) (13-17)	465,000

SUMBER: Statistik Kanak-Kanak Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)



Sebagai salah sebuah negeri yang paling maju di Malaysia, negeri Selangor menikmati pelbagai manfaat dari sudut sosioekonomi, dengan kadar pelaburan yang tinggi dan peluang pekerjaan yang pelbagai memberi peluang kepada penduduk negeri ini untuk hidup dengan lebih selesa. Pembangunan ekonomi yang pesat membolehkan infrastruktur awam disediakan dengan teratur berpandukan kepadatan (kira-kira 6.7 juta) dan keperluan semasa, sekali gus memperlihatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi dalam tempoh 5-10 tahun yang lalu.

Perkembangan ini didorong tahap migrasi yang meningkat dan peningkatan jumlah keluarga yang bermastautin di negeri Selangor. Faktor-faktor tersebut adalah sebahagian daripada implikasi perubahan demografi, yang turut mewujudkan keperluan untuk mengkaji komponen penting dalam membentuk keluarga bahagia - melingkupi elemen kesihatan dan nutrisi, kemahiran serta kualiti keibubapaan, manfaat perubahan undang-undang buruh dan dasar kekeluargaan, dan juga penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Menyedari kepentingan kanak-kanak dalam pembangunan negeri dan negara, Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 dihasilkan untuk menjadi garis panduan yang holistik demi memastikan segmen berkenaan menerima tumpuan sewajarnya, dipersiapkan untuk menghadapi cabaran masa kini dan mampu memainkan peranan yang lebih besar dalam tempoh mendatang.

Dokumen menyeluruh yang dirangka adalah berpadanan dengan visi yang ditetapkan oleh YAB Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari dan Kerajaan Negeri Selangor melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang mengetengahkan golongan kanak-kanak sebagai salah satu golongan tumpuan utama. Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan peribadi yang kukuh, manakala bentuk sokongan dan bimbingan yang ditawarkan dicadangkan mengikut keperluan dan keadaan semasa supaya keberkesanan maksimum dapat dilihat pada segmen kanak-kanak di negeri Selangor.

# OBJEKTIF DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR DAN PELAN TINDAKAN 2022-2025

Mengenalpasti tumpuan dan ruang lingkup utama berkaitan kanak-kanak di negeri Selangor, selari dengan keperluan dan perkembangan semasa

Mencorak strategi pembangunan kanak-kanak di negeri Selangor dalam jangka pendek, sederhana dan panjang

Membangunkan program, inisiatif dan tindakan yang bersesuaian dengan latar belakang demografi dan psikografi kanak-kanak di negeri Selangor

Meletakkan peranan dan tanggungjawab berhubung kesejahteraan kanak-kanak di negeri Selangor ke atas pemegang taruh umum dan spesifik



# KEPERLUAN DASAR PEMBANGUNAN KANAK-KANAK NEGERI SELANGOR DAN PELAN TINDAKAN 2022-2025



Krisis pandemik COVID-19 yang melanda telah memberi impak terhadap kehidupan segenap lapisan masyarakat, termasuk golongan kanak-kanak di Selangor. Kehidupan seharian dan tumbesaran kanak-kanak dalam norma baru merupakan suatu isu yang wajib dijadikan prioriti utama. Di antara masalah berbangkit yang dapat dilihat akibat pandemik Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan proses adaptasi pasca-pandemik dalam kalangan kanak-kanak termasuk masalah kesihatan mental, ketidaksaksamaan akses kepada pendidikan, penggunaan peralatan digital yang berlebihan, kekurangan pergaulan sosial, keterbatasan kegiatan fizikal dan aktiviti sukan, masalah ketidakseimbangan nutrisi dan isu perkembangan motor dan kemahiran.

Masalah-masalah lain melibatkan golongan kanak-kanak turut dikesan sehingga menyebabkan kerisauan berpanjangan masyarakat, yakni isu penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, tahap penguasaan bahasa kebangsaan, serta cabaran sosioekonomi yang menjurus kepada segmen miskin bandar ('urban poor') dalam kalangan keluarga dan isi rumah di negeri Selangor sehingga mendatangkan kesan negatif kepada perkembangan kanak-kanak.

Dalam tempoh 2-3 tahun sebelum ini, beberapa isu membabitkan kanak-kanak telah menjadi topik perbincangan hangat di negeri Selangor, termasuk:

- Isu penderaan seorang kanak-kanak yang mengalami masalah autisme oleh pengasuh di pusat jagaan pada September 2021;

- Isu pembuangan bayi yang dilaporkan mencatatkan rekod tertinggi di Selangor;
- Masalah berkaitan kesihatan bantut ('*stunting*') dan obesiti yang meningkat; dan
- Kadar kes bunuh diri yang semakin membimbangkan, khususnya dalam kalangan kanak-kanak berumur 13 tahun ke atas.

Apabila berbincang tentang aspek kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak, peranan dan keperluan para pemegang taruh lain juga perlu diberi perhatian. Sistem sokongan untuk kumpulan penjaga kanak-kanak (pengasuh dan pusat jagaan), warga pendidik khususnya guru, dan ibu bapa masih memerlukan penambahbaikan. Bagi ibu bapa, sokongan untuk ibu bapa adalah wajar (khususnya dari segi penjagaan anak-anak), di samping pendedahan teknologi buat ibu bapa, kesiapsiagaan ibu bapa sebelum kelahiran anak serta penguasaan ilmu pengetahuan keibubapaan.

Isu-isu kritikal yang wujud perlu dijadikan asas dan pertimbangan dalam membentuk sebuah dasar yang baik untuk manfaat golongan kanak-kanak di negeri Selangor. Menerusi kajian kualitatif dan kuantitatif yang dilaksanakan dari tahun 2021 ke 2022, pelbagai isu teras dan sampingan dapat dikumpulkan, sekali gus membolehkan sebuah gambaran menyeluruh dihasilkan, yang akhirnya mencerminkan isu akar umbi yang menular dalam kalangan kanak-kanak di negeri Selangor.





ANAK ISTIMEWA SELANGOR





## 2.1 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SEMASA PEMBANGUNAN KANAK-KANAK



Perkembangan pembangunan kanak-kanak di Malaysia bermula sejak tahun 1994 apabila kerajaan Malaysia meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak pada 28 Disember 1994. Sebagai satu konvensyen antarabangsa, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau dikenali sebagai 'Convention on the Rights of the Child (CRC)' ini berteraskan pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak sejagat.

Penghasilan sebuah laporan berjudul 'Malaysia: Implementation of the Convention on the Rights of the Child, First Country Report' pada Januari 2007 menjelaskan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku agensi pelaksana yang bertanggungjawab dalam memastikan Konvensyen Hak Kanak-Kanak diimplementasi dalam semua proses dan prosedur pengurusan kes berkaitan kanak-kanak. Pada masa yang sama, agensi-agensi lain turut memainkan peranan dalam merealisasikan pelaksanaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak tersebut dalam masyarakat Malaysia, iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Kehakiman Negara.

Berpandukan konvensyen ini, segala usaha dan inisiatif berkaitan hak kanak-kanak yang dilaksanakan harus berlandaskan prinsip sifar diskriminasi, kepentingan terbaik kanak-kanak, kehidupan perkembangan kanak-kanak serta penglibatan suara kanak-kanak. Walau bagaimanapun, ancaman terhadap kanak-kanak sejagat masih menunjukkan kadar yang merisaukan. Pendedahan kanak-kanak kepada ancaman ekonomi, sosial, budaya mahupun sebagai mangsa konflik politik di beberapa negara sedang membangun di Asia dan Afrika menunjukkan jurang dalam pelaksanaan konvensyen ini.

Di Malaysia, isu berkaitan dengan kanak-kanak turut menimbulkan kebimbangan masyarakat. Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti jenayah, antisosial, penderaan, pengabaian, eksploitasi, pemerdagangan kanak-kanak, pembuangan bayi dan isu keselamatan kanak-kanak masih menjadi liputan media dan buah mulut masyarakat. Penularan pandemik COVID-19 sejak awal tahun 2020 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak Kerajaan Malaysia pada Mac 2020 telah menimbulkan semakin banyak masalah melibatkan kanak-kanak termasuk masalah kesihatan (kognitif, fizikal dan mental), penggunaan teknologi dan peranti digital yang meluas, cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran dan di Rumah (PdPR) serta cabaran mengenai perkembangan komunikasi dan sosial.





Norma baharu kehidupan manusia global yang terhasil daripada pandemik COVID-19 mencetuskan gelombang perubahan yang signifikan dalam pembentukan generasi masa depan. Pelbagai kebimbangan telah timbul terutamanya dari sudut pendidikan, pemakanan dan kesejahteraan seluruh generasi kanak-kanak dan orang muda yang dijangka akan menjejaskan kehidupan masa depan mereka. Fenomena generasi yang hilang ('the lost generation') disebabkan penutupan sekolah sebagai langkah pencegahan penularan wabak pandemik telah menyumbang kepada "kemiskinan pembelajaran". Dalam erti kata yang lain, kanak-kanak yang tergolong dalam kategori ini mengalami kesukaran dalam kemahiran membaca dan memahami teks mudah pada usia yang muda.

Di Malaysia, Kerajaan Malaysia telah merangka sebuah dasar khusus untuk kanak-kanak bawah umur 18 tahun yang dikenali sebagai Dasar Kanak-Kanak Negara (DKNN). Dasar ini bermatlamat untuk melindungi halehwal kanak-kanak mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif.

Di peringkat negeri pula, beberapa kerajaan negeri turut menghasilkan dasar kanak-kanak tersendiri mengikut konteks negeri masing-masing. Contohnya, Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang menumpukan fokus pada aspek penjagaan awal kanak-kanak. Di samping itu, Dasar Kanak-Kanak Fitrah Kelantan yang dirangka oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan memberi perhatian kepada pembinaan dan perkembangan kanak-kanak berlandaskan ajaran Islam.

## 2.2 INISIATIF PEMBANGUNAN KANAK-KANAK DI PERINGKAT NEGERI

Di negeri Selangor, kesejahteraan dan kebajikan golongan kanak-kanak telah, sedang dan akan menjadi tumpuan kepada kerajaan negeri Selangor. Sebagai negeri yang paling maju di Malaysia, pemerkasaan hak kanak-kanak juga dijadikan agenda utama dalam pengolahan polisi negeri demi memastikan kanak-kanak sentiasa dilindungi dan kebajikan modal insan generasi ini dapat diutamakan sama sekali. Sejak tahun 2009, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) – sebuah syarikat dibawah seliaan Menteri Besar (PEMERBADANAN) dan ditubuhkan di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang berobjektif untuk mewujudkan, menganjur, mentadbir dan menyelenggara suatu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008.

Sehubungan itu, YAWAS juga menyediakan inisiatif-inisiatif untuk pengurusan kebajikan anak-anak Selangor dari peringkat bayi hingga belia: Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Inisiatif Perkahwinan Belia, Skim Bantuan Asuh Anakku Pintar (Asuh Pintar), Anak Istimewa Selangor (AnIS), Insentif Generasi Muda Selangor (iGEMs), Skim Bantuan Tabika Selangor (Tunas). Demi mewujudkan masyarakat dan persekitaran yang menyeluruh untuk golongan kanak-kanak, inisiatif berpaksikan kekeluargaan, khususnya wanita dan warga emas juga dititikberatkan. Skim Kesihatan Wanita Selangor dan Mesra Usia Emas merupakan antara usaha kerajaan negeri Selangor selaku kerajaan prihatin.

Demi menggenggam pemahaman yang lebih mendalam, rujukan kepada sorotan literatur telah dijalankan untuk melihat segala pencapaian pelbagai lapisan pemegang taruh, butiran dan pencapaian berhubung program kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga di negeri Selangor.

### PROGRAM BERHUBUNG KANAK-KANAK & KELUARGA

#### Agensi - Agensi Kerajaan Negeri

#### 1) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

- ☞ Ahli TAWAS menerima RM1,500 apabila mencapai usia 18 tahun
- ☞ Lebih 20,000 ahli **TAWAS** (lahir pada 2014), terima bantuan masuk sekolah.

#### 2) Tabung Pendidikan Anak Kerja Ladang

- ☞ Bantuan kepada anak-anak pekerja ladang yang keluarga berpendapatan kurang daripada RM1,500/sebulan
- ☞ Pemberian wang RM300 kepada setiap **anak pekerja ladang** bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga.

### **3) Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)**

- ☞ Bantuan diberi dalam bentuk kelas tambahan/tuisyen secara percuma kepada mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan di bawah RM2000 dan pelajar yang memperoleh keputusan yang sederhana/lemah
- ☞ Seramai 70,000 pelajar yang menduduki SPM, menerima manfaat melalui **PTRS**. Modul pembelajaran bercetak akan diedarkan kepada 50,000 pelajar yang menghadapi kekangan pembelajaran secara maya dengan perbelanjaan RM2.1 juta.

### **4) Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)**

- ☞ Ibu bapa yang berkelayakan akan mendapat bantuan dari segi yuran taska atau nurseri untuk anak-anak mereka yang berusia 4 tahun ke bawah
- ☞ Ibu bapa akan mendapat bantuan sebanyak RM100/sebulan bagi yuran Taska atau nurseri

### **5) Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)**

- ☞ Bayaran yuran akan disalurkan terus kepada tadika yang berdaftar sebanyak RM50 setiap bulan
- ☞ Untuk keluarga yang berpendapatan seisi rumah RM3000 ke bawah, dan anak yang berumur 5-6 tahun sahaja

### **6) Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor**

- ☞ Bantuan untuk infrastruktur sekolah kerajaan di Selangor
- ☞ Kerajaan Selangor memperuntukkan RM22.47 juta untuk diagihkan kepada 740 sekolah di negeri itu bagi menambah baik tahap infrastruktur masing-masing meliputi penyelenggaraan dewan, pembelian perkakas dan sebagainya
- ☞ Menerusi agihan di bawah Bantuan Infrastruktur Sekolah Selangor yang bermula pada November 2021, sebanyak 538 sekolah agama rakyat menerima RM9.1 juta, manakala 101 sekolah jenis kebangsaan Cina mendapat RM6 juta dan sebanyak RM2 juta diberikan kepada empat sekolah menengah persendirian Cina. Sebanyak 83 sekolah jenis kebangsaan Tamil pula menerima RM4.36 juta dan 14 sekolah terdiri daripada sekolah mubaligh serta sekolah menengah jenis kebangsaan disalurkan bantuan berjumlah RM1 juta.

## 7) **Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)**

- ☞ Biasiswa ini diberikan kepada pelajar oleh badan kerajaan dan swasta untuk membiayai yuran pengajian tanpa perlu membayarnya semula kepada organisasi terbabit
- ☞ Penawaran pengajian 10 kursus TVET di bawah **Program IKTISASS** kini ditawarkan di Selangor Technical Skills Development Centre (STDC).
- ☞ Terletak di Kuala Selangor, kampus STDC mempunyai kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap seperti kelas berhawa dingin, bengkel amali, dewan auditorium, pusat sumber, surau, kafeteria dan lain-lain.

## 8) **Skim Peduli Sihat**

- ☞ Bantuan pembiayaan rawatan kesihatan asas di panel klinik yang berdaftar
- ☞ Seramai 67,348 ahli mendapat manfaat melalui **Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS)** setakat 31 Julai 2021. Sebanyak RM37.6 juta dibelanjakan bagi tujuan itu berbanding peruntukan tahunan berjumlah RM42.4 juta.
- ☞ Sebanyak 79,275 ahli menerima manfaat dalam program yang sama pada tahun sebelumnya

## 9) **Khidmat Bas Selangorku Percuma - di daerah Shah Alam, Subang Jaya dan Klang**

- ☞ 50 laluan bas percuma disediakan dengan 172 bas termasuk PJ City Bus dan SA09 yang baharu dilancarkan.
- ☞ Kesemua 50 laluan **Bas Smart Selangor** kekal seperti biasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Orang ramai masih menggunakan perkhidmatan bas tersebut walaupun negeri ini dikenakan perintah berkenaan

## 10) **Rumah Selangorku**

- ☞ Bantuan kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah maksimum RM8,000/sebulan untuk membeli rumah
- ☞ 4 jenis yang ditawarkan iaitu Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah, Rumah Kos Sederhana teres dan **Rumah Mampu milik Selangor**. Harga rumah baru di Selangor ditawarkan adalah tidak lebih RM250 ribu.
- ☞ Sehingga 2023, Kerajaan Negeri Selangor akan menawarkan 30,000 rumah mampu milik Selangor kepada yang layak.

### **11) Wi-Fi #SmartSelangor Percuma**

- ☞ Akses internet percuma di sekitar 300 tempat, terutamanya di kawasan yang tertumpu kepada golongan berpendapatan rendah
- ☞ **WiFi Smart Selangor** menyediakan 3,000 'hotspot' percuma untuk orang awam.

### **12) Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak (KIPK)**

- ☞ Kursus untuk pengasuh kanak-kanak tentang teknik asuhan yang betul
- ☞ Berpeluang untuk menerima geran RM 2000 mengikut syarat dan terma yang ditetapkan.

### **13) Program Anak Selangor Anak Sihat (ASAS)**

- ☞ Untuk kanak-kanak berumur 1-6 tahun, bantuan dari segi meningkatkan status pemakanan anak-anak yang mengalami masalah kurang berat badan / tidak selera makan
- ☞ Kanak-kanak yang terpilih dan disahkan memerlukan sokongan makanan nutrisi dilibatkan untuk diberi pemantauan oleh pakar kesihatan.

### **14) Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)**

- ☞ Bantuan kepada golongan ibu untuk mendapatkan barangan keperluan asas keluarga tanpa tunai melalui pembelian di pasaraya yang telah dikenalpasti dengan nilai RM200/sebulan

### **15) Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa Selangor (AnIS)**

- ☞ Bantuan untuk keperluan anak istimewa di negeri itu dengan menyediakan perkhidmatan yang mampu diakses oleh golongan berkenaan.
- ☞ Kerajaan negeri memperuntukkan RM3 juta setahun sejak 2018 bagi merancang dan melaksanakan program pemberdayaan anak istimewa termasuk menubuhkan pusat ini.

### **16) Bantuan Pengusaha dan Guru-Guru Pendidikan Awal (Tadika)**

- ☞ Bantuan sekali bayar RM450 kepada pengusaha dan guru (RM150)

**17) Program Food Bank Kanak-kanak**

☞ Bantuan kepada kanak-kanak di bawah 6 tahun di kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40)

**18) Pusat Khidmat Kaunseling Wanita & Keluarga**

☞ Pusat perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang berorientasi Rundingan dan Kaunseling

**19) Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) 2022**

☞ Bagi ahli TAWAS yang bakal masuk ke Tahun 1

**20) Bantuan Kanak-Kanak (BKK)**

☞ Bantuan kepada keluarga di mana umur anak berada di antara 7 dan 18 tahun, secara automatik layak untuk dapat sebanyak RM150 sebulan

**Badan Bukan Kerajaan**

**1) 'Human Aid Selangor Society'**

☞ Bantuan kepada komuniti pelarian yang tinggal di Selangor dan Kuala Lumpur yang telah dinafikan hak untuk pendidikan dan mata pencarian.

**2) Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang Selangor (PKIK)**

☞ Bantuan kepada kanak-kanak istimewa yang bergantung sepenuhnya kepada derma yang diterima

**3) Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Mata Air Kehidupan**

☞ Rumah untuk anak yatim, terbiar, didera dan diabaikan

**4) 'Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility' (PINTAR)**

☞ Program sekolah yang bertujuan untuk meningkatkan hasil pendidikan pelajar dari sekolah berprestasi rendah di seluruh negara.

	<p><b>5) Persatuan Rumah Kanak-Kanak Ini Di Sayangi (Rumah KIDS)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Rumah kebajikan untuk anak yatim dan anak terbiar</li> </ul> <p><b>6) Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah (PPKKCTM)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Untuk menyediakan tempat tinggal yang persekitaran untuk penambahbaikan kanak-kanak kurang upaya</li> </ul> <p><b>7) 'Suriana Welfare Society Malaysia'</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Bantuan kepada kanak-kanak di bawah 6 tahun di kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40)</li> </ul> <p><b>8) Pusat Khidmat Kaunseling Wanita &amp; Keluarga</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Memperjuangkan isu dan keselamatan kanak-kanak, serta menggalakkan perkembangan peribadi</li> <li>☞ Menyediakan program bimbingan untuk pesalah juvana</li> <li>☞ Memperkasakan kanak-kanak dalam masyarakat Orang Asli</li> </ul>
<p><b>Pertubuhan Masyarakat Sivil</b></p>	<p><b>1) 'Protect and Save the Children Association of Selangor and Kuala Lumpur'</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>☞ Memastikan kanak-kanak dilindungi daripada penderaan dan eksploitasi seksual</li> </ul>



## 2.3 STATISTIK KANAK-KANAK DI NEGERI SELANGOR

Tahun	Populasi Penduduk Kanak-Kanak					
	0 hingga < 5 tahun			5 hingga < 18 tahun		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah('000)	Lelaki	Perempuan	Jumlah('000)
<b>2021</b>	255.7	238.4	494.1	670.2	614.4	1284.6
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1778.6</b>					

Pecahan populasi penduduk kanak-kanak mengikut kumpulan umur

Tahun	Kumpulan Umur	('000)
<b>2021</b>	0 - 4 tahun	494.2
	5 - 6 tahun	214.3
	7 - 12 tahun	595.1
	13 - 17 tahun	475
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1778.6</b>	

Penduduk kanak-kanak mengikut jantina

Tahun	Jantina	Kumpulan Umur	('000)
<b>2021</b>	<b>Lelaki</b>	0 - 4 tahun	255.7
		5 - 6 tahun	110.8
		7 - 12 tahun	314.9
		13 - 17 tahun	244.4
	<b>925.8</b>		
	<b>Perempuan</b>	0 - 4 tahun	238.4
		5 - 6 tahun	103.6
		7 - 12 tahun	280.2
13 - 17 tahun		230.6	
<b>852.8</b>			
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1778.6</b>		

SUMBER: Statistik Kanak-Kanak 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Kematian bayi (bilangan) mengikut jantina pada 2020

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
Lelaki	231
Perempuan	186
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>417</b>

Kematian kanak-kanak 1-4 tahun (bilangan) mengikut jantina pada tahun 2020

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
Lelaki	48
Perempuan	36
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>84</b>

Kematian kurang daripada 5 tahun (bilangan) mengikut jantina - 2020

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
Lelaki	279
Perempuan	222
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>501</b>

Bilangan taska berdaftar di negeri Selangor pada 2020

<b>Pendaftaran (kelulusan)</b>	<b>1774</b>
<b>Pengecualian</b>	<b>3</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1777</b>

Bilangan kanak-kanak yang berdaftar di taska mengikut kumpulan umur pada 2020

<b>Kumpulan Umur</b>	<b>Jumlah</b>
0 hingga < 3 tahun	5902
3 hingga < 4 tahun	3672
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>9574</b>

SUMBER: Statistik Kanak-Kanak 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Bilangan murid pendidikan khas di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan mengikut peringkat pendidikan dan jantina pada 2020

Sekolah Kerajaan	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Peringkat Rendah	41	33
Peringkat Menengah	115	81

Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta pada 2020

Jenis	Jumlah
Tadika Swasta	22,792
Sekolah Rendah Swasta	2,962
Sekolah Menengah Swasta	7,193
Sekolah Pendidikan Khas	0
Sekolah Antarabangsa	712
Sekolah Ekspatriat	839

Bilangan permohonan pendaftaran dan pengangkatan mengikut jenis pada 2020

Permohonan melalui Jabatan Pendaftaran Negara	470
Permohonan melalui Mahkamah	242

Bilangan penghuni di institusi kanak-kanak pada tahun 2020

Jenis	Jumlah
Rumah Kanak-kanak	61
Sekolah Tunas Bakti	0
Asrama Akhlak	0
Taman Seri Puteri	10

SUMBER: Statistik Kanak-Kanak 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan dan jantina pada tahun 2020

Tahun	Jenis Kesalahan	Jantina	Jumlah
2020	Kesalahan Pertama	Lelaki	633
		Perempuan	72
	Kesalahan Berulang	Lelaki	25
		Perempuan	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>731</b>


Bilangan kanak-kanak tidak terkawal mengikut jantina pada tahun 2020

Tahun	Jantina	Jumlah
2020	Lelaki	13
	Perempuan	20

Kes penderaan kanak-kanak di Selangor antara Januari hingga September 2020

Jenis Penderaan	Jumlah Kes
Penderaan fizikal	527
Gangguan seksual	514
Emosi	35
	<b>1076</b>

SUMBER: Statistik Kanak-Kanak 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



**BAB 3:**  
**PELAKSANAAN KAJIAN DASAR  
PEMBANGUNAN KANAK-KANAK  
NEGERI SELANGOR & PELAN  
TINDAKAN 2022-2025**



Demi mencapai objektif kajian, pasukan penyelidik Merdeka Center telah memanfaatkan kombinasi beberapa metodologi untuk menyempurnakan proses pengumpulan data sebelum menghasilkan laporan akhir dan dokumen dasar.

Rumusan aktiviti dari sebelum permulaan projek sehingga pembentukan sebuah kertas dasar bagi Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Jadual 2: Fasa Pelaksanaan Dasar Pembangunan Kanak-kanak Negeri Selangor 2022

<b>Fasa Pelaksanaan Kajian</b>	<b>Aktiviti Kajian</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan Aktiviti</b>
<b>FASA 1</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kertas cadangan untuk membentuk dasar pembangunan kanak-kanak</li> <li>2) Kajian sekunder</li> </ol>	April - Mei 2021
<b>FASA 2</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kajian kualitatif – temu bual mendalam &amp; perbincangan kumpulan fokus</li> <li>2) Kajian kuantitatif – kaji selidik umum</li> </ol>	Mei - Ogos 2021
<b>FASA 3</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Analisa data</li> <li>2) Draf kertas dasar dan pelan tindakan</li> <li>3) Perbincangan kumpulan fokus (FGD) (samb.)</li> <li>4) Temu bual bersama agensi kerajaan negeri</li> </ol>	Ogos 2021 – Februari 2022
<b>FASA 4</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pembentukan draf dokumen dasar dan pelan tindakan</li> <li>2) Semakan kandungan oleh penasihat projek</li> <li>3) Perbincangan berkala bersama pihak berkepentingan</li> <li>4) Sesi Libat Urus bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor</li> <li>5) Penambahbaikan draf dasar dan pembentangan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor</li> </ol>	Februari 2022 – Disember 2022





## Bab 4:

# BIDANG KEUTAMAAN DASAR DAN STRATEGI PELAKSANAAN

Terdapat **10 domain utama Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor & Pelan Tindakan 2022 - 2025** iaitu persediaan keibubapaan dan pra-kelahiran, kesihatan, perkembangan sosial dan komunikasi, pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak, kesejahteraan kekeluargaan, pendidikan (peringkat rendah & menengah), peranan teknologi dalam perkembangan kanak-kanak, infrastruktur dan keselamatan, sosioekonomi dan penglibatan pemegang taruh.



- Domain 1 : Persediaan keibubapaan & pra-kelahiran**
- Domain 2 : Pendidikan & penjagaan awal kanak-kanak**
- Domain 3 : Pendidikan (peringkat rendah & menengah)**
- Domain 4 : Kesihatan**
- Domain 5 : Kesejahteraan keluarga**
- Domain 6 : Perkembangan sosial & komunikasi**
- Domain 7 : Teknologi dalam perkembangan kanak-kanak**
- Domain 8 : Infrastruktur dan keselamatan**
- Domain 9 : Tahap sosioekonomi keluarga**
- Domain 10 : Penglibatan pemegang taruh**

# Domain 1

## Persediaan Keibubapaan & Pra-Kelahiran

### ISU TERAS

1. Ibu bapa kekurangan kesiapsiagaan dan kemahiran keibubapaan
2. Perhubungan renggang antara ibu bapa dan anak-anak disebabkan kesibukan kerja
3. Ibu bapa kekurangan sumber dan idea berkenaan perkembangan kanak-kanak

### MATLAMAT 1

Mempersiapkan golongan belia dan anak muda yang bakal mendirikan rumah tangga di Selangor dengan sebaiknya

### TINDAKAN

1. Mendedahkan golongan muda dengan ilmu kekeluargaan dan penjagaan anak melalui program interaktif di peringkat komuniti
2. Menekankan persediaan fizikal, emosi dan mental bagi bakal ibu bapa dengan khidmat kaunselor / NGO yang wujud

### MATLAMAT 2

Menyediakan sokongan dalam bentuk fasiliti yang bersesuaian terhadap ibu bapa muda

### TINDAKAN

1. Mengukuhkan sistem sokongan emosi dan mental ibu bapa dalam penjagaan kanak-kanak
2. Melaksanakan kursus sokongan keibubapaan secara berterusan khususnya melibatkan keyakinan diri dan kemahiran
3. Melaksanakan program pengurusan anak dan keluarga secara atas talian
4. Memberi baucer makanan untuk kanak-kanak dan ibu mengandung berdasarkan pendapatan isi rumah sehingga anak mencapai usia 4 tahun
5. Meluaskan perkhidmatan Rumah Perhentian Sementara di sekitar negeri Selangor untuk ibu muda bagi membimbing mereka dalam membuat keputusan dan memberi sokongan emosi
6. Melaksanakan program bantuan ibu (*mama box*) iaitu penyediaan awal barangan dan alatan berpantang yang berkualiti
7. Menyediakan insentif untuk menubuhkan pusat berpantang (*confinement center*) bagi menyediakan perkhidmatan berpantang yang berkualiti dan berpatutan bagi golongan ibu berpendapatan rendah dan sederhana

### **MATLAMAT 3**

Memperbanyakkan komunikasi dan libat urus bersama bakal ibu bapa serta mereka yang memiliki anak kecil untuk mengetahui isu dan masalah semasa

### **TINDAKAN**

1. 'Engagement' berterusan dengan kumpulan ibu bapa termasuk golongan ibu bekerja bagi mengenal pasti keperluan semasa dan utama
2. Menyokong kumpulan penjaga yang terpinggir seperti ibu tunggal, bapa tunggal, saudara-mara atau warden (bagi yang berkenaan)

### **MATLAMAT 4**

Merangka garis panduan yang bersesuaian untuk melahirkan golongan ibu bapa yang bertanggungjawab di negeri Selangor

### **TINDAKAN**

1. Melaksanakan aturan kerja fleksibel untuk ibu bapa muda yang bekerja - fokus pada penjawat awam negeri dan agensi berkaitan
2. Mempromosikan aturan kerja fleksibel secara menyeluruh di negeri Selangor
3. Membentuk enakmen keibubapaan yang boleh membantu mengawal aspek perkembangan dan masa depan kanak-kanak
4. Tegas dalam isu perkahwinan di bawah umur, perkahwinan secara terpaksa dan keganasan domestik yang boleh membawa kepada perkembangan kanak-kanak yang negatif
5. Menekankan aspek 'co-parenting' secara berterusan di negeri Selangor, dengan mengetengahkan peranan golongan bapa





## **Domain 2** **Pendidikan & Penjagaan Awal Kanak-Kanak**

### **ISU TERAS**

1. Keperluan untuk meningkatkan kualiti tenaga pengajar pendidikan awal
2. Kekurangan sistem sokongan yang berterusan bagi industri pengasuhan
3. Keselamatan anak-anak di pusat jagaan dan prasekolah
4. Penggunaan teknologi dan modul dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
5. Kapasiti tadika milik kerajaan yang rendah
6. Kos penjagaan awal kanak-kanak yang tinggi

## **MATLAMAT 1**

### **Meningkatkan mutu dan aksesibiliti pusat penjagaan awal kanak-kanak**

#### **TINDAKAN**

1. Kerjasama strategik dengan pemegang taruh tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan industri penjagaan negeri Selangor – bantu dari segi beri latihan dan lain-lain.
2. Penyelarasan peruntukan & pengagihan keperluan utama (termasuk garis panduan penting) untuk golongan pengasuh – termasuk pengasuh di rumah
3. Penglibatan komuniti untuk membantu pemantauan kualiti pusat jagaan kanak-kanak
4. Sistem pemarkahan (*grading system*) pusat jagaan dan pengusaha pusat asuhan di bawah kendalian PBT (merangkumi aspek keselamatan, penjagaan, makanan dan lain-lain)
5. Meningkatkan penekanan kualiti mental dan nilai guru-guru di pusat penjagaan kanak-kanak
6. Meningkatkan bantuan dan subsidi kepada pusat penjagaan kanak-kanak untuk menyediakan kelengkapan utama
7. Membangunkan kurikulum alternatif yang fokus kepada perkembangan kemahiran kanak-kanak, serta menggalakkan pembelajaran praktikal (termasuk tumpuan pada aspek kreativiti dan komunikasi berkumpulan) – merangkumi kanak-kanak normal dan berkeperluan khas
8. Meningkatkan kualiti guru dari segi penyampaian pengajaran
9. Menekankan aspek lokasi dalam pembinaan dan kelulusan pusat jagaan - mengelakkan pusat penjagaan di lot kedai atau ruang tertutup lain untuk menggalakkan kanak-kanak terdedah kepada risiko keselamatan
10. Memantapkan pelarasan antara tadika awam bagi membolehkan pengambilan murid berlaku secara seimbang dan berdasarkan latar belakang sosioekonomi sesebuah keluarga
11. Memberi sokongan kepada pendekatan penjagaan kanak-kanak terbaru seperti pengasuh jangka pendek
12. Mewujudkan mekanisme khusus bagi membolehkan para operator dan pengasuh kanak-kanak di negeri Selangor berkongsi pandangan, idea dan komen berhubung aspek pengasuhan dalam jangka pendek dan panjang
13. Mengkaji semula prosedur pengasuhan sedia ada memabitkan proses pendaftaran, pelatihan, pelesenan dan penjagaan kanak-kanak supaya memudahkan pihak yang terbabit khususnya golongan ibu bapa dan para pengasuh
14. Mengadakan libat urus dan kerjasama dengan agensi terbabit khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan, untuk memudahkan para pengasuh dan operator mendaftarkan perniagaan dan meneruskan operasi tanpa beban dan halangan berterusan

## **MATLAMAT 2**

**Meningkatkan kadar pendaftaran pusat penjagaan awal kanak-kanak**

### **TINDAKAN**

1. Memperbanyakkan program kesedaran kepentingan pendaftaran pusat penjagaan kanak-kanak
2. Kerajaan Negeri dan agensi berkenaan (termasuk JKM, Bomba dan PBT) bekerjasama untuk meminda syarat kelayakan dan pendaftaran pusat jagaan kanak-kanak
3. Membuat liputan meluas supaya informasi tentang faedah-faedah untuk mendaftarkan pusat penjagaan kanak-kanak tersebar secara menyeluruh, seperti mendapat Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak secara online dan subsidi di bawah Kerajaan Negeri Selangor.
4. Melaksanakan pemutihan pengasuh tidak berdaftar secara besar-besaran di negeri Selangor supaya data, isu, permasalahan dan bentuk sokongan yang wajar dapat dikumpulkan secara menyeluruh

## **MATLAMAT 3**

**Meningkatkan tahap keselamatan dan pemantauan pusat penjagaan kanak-kanak**

### **TINDAKAN**

1. Bekerjasama dengan PBT untuk meneliti tahap pencapaian dan prestasi pusat jagaan secara lebih konsisten dan mengejut - meliputi aspek kebersihan, penyediaan makanan bernutrisi, jadual pemakanan, serta keselamatan melalui kerjasama antara JKM, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan dan agensi kerajaan negeri
2. Menekankan pemeriksaan latar belakang para pengasuh (termasuk pengasuh di rumah), merangkumi ahli keluarga dan individu yang sering berada di pusat asuhan dan penjagaan kanak-kanak
3. Mengenalpasti tindakan keras sekiranya pusat jagaan kanak-kanak tidak menepati piawaian yang ditetapkan
4. Mengenalpasti tahap kelulusan, kelayakan dan pendaftaran pengasuh untuk tujuan pengesahan

## **MATLAMAT 4**

**Memberi ruang dan sokongan kepada golongan ibu bapa atau penjaga untuk menjaga anak yang masih kecil**

### **TINDAKAN**

1. Menyediakan waktu rehat penyusuan yang mencukupi pada waktu bekerja untuk ibu yang bekerja
2. Menyediakan lebih ruang penyusuan untuk ibu di semua tempat awam dan swasta
3. Mempertingkatkan bilangan Inisiatif Hospital Bayi Mesra (BFHI) atau Klinik Bayi Mesra di Selangor, terutamanya di hospital swasta
4. Mendirikan penjagaan kanak-kanak sementara di pusat membeli belah percuma buat setiap kanak-kanak dan memperbanyakkan aktiviti serta mainan yang boleh membantu perkembangan kanak-kanak
5. Menyediakan bantuan bayi (*baby box*) yang meliputi keperluan asas dan penting bayi seperti pam susu, botol susu, vitamin, makanan tambahan (*supplement*), lampin pakai buang untuk ibu muda
6. Memperluas capaian subsidi penjagaan kanak-kanak untuk ibu bapa muda
7. Meningkatkan interaksi dengan golongan ibu bapa muda, khususnya ibu bekerja bagi mengenalpasti isu-isu penting yang wajar dibantu

## Domain 3 Pendidikan (Peringkat Rendah Dan Menengah)

### ISU TERAS

1. Keyakinan ibu bapa terhadap hala tuju sistem pendidikan negara
2. Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)
3. Keperluan peralatan dan peranti untuk proses pembelajaran dan pengajaran
4. Ketiadaan motivasi, semangat dan hala tuju untuk meneruskan persekolahan sewaktu PKP
5. Kurang penekanan pada pendidikan tinggi dan persediaan kerjaya
6. Kurang penekanan pada pendidikan sastera dan bidang selain sains

### MATLAMAT 1

Menyediakan keperluan pembelajaran buat golongan kanak-kanak yang memerlukan

### TINDAKAN

1. Menyediakan sumber dan saluran tambahan untuk kanak-kanak meningkatkan penguasaan ilmu (tenaga pengajar komuniti, kelas digital – Penyediaan subjek di saluran Youtube dll)
2. Bancian khas untuk kanak-kanak minoriti (*Undocumented, refugees dll*) – Menyediakan akses pendidikan kepada mereka
3. Mengenalpasti kepincangan pembelajaran atas talian (PdPR) seterusnya menambah baik cara pendidikan atas talian dengan menyediakan kursus untuk tenaga pengajar dan kanak-kanak untuk menjamin keberkesanannya
4. Meningkatkan pemberian biasiswa khas di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk kanak-kanak berprestasi cemerlang atau berpotensi dalam bidang tertentu, di peringkat rendah, menengah dan lepasan sekolah

### MATLAMAT 2

Mendedahkan kanak-kanak kepada kepimpinan, perancangan kerjaya dan masa depan

### TINDAKAN

1. Mendedahkan kanak-kanak kepada subjek atau topik yang bersesuaian dengan trend semasa berpandukan keperluan pasaran dan minat (termasuk bidang TVET, kreatif dll)
2. Program '*mentor-mentee*' di peringkat komuniti (peringkat menengah) - pelajar senior menjadi mentor kepada pelajar junior untuk menggalakkan pembangunan kemahiran interpersonal dan meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam diri

3. Melaksanakan kem kepimpinan yang melibatkan kanak-kanak, ibu bapa, dan pihak berkepentingan tentang asas serta kekuatan untuk kepimpinan dan juga *soft skill*
4. Memperkasakan pendidikan yang mengambil kira kepentingan kekeluargaan, penglibatan dan penyertaan komuniti seperti Pendidikan Agama / Islam & Pendidikan Moral
5. Menambahbaik serta memperluaskan program-program dan skil di kolej vokasional bagi kanak-kanak remaja
6. Memastikan setiap kanak-kanak Selangor mempunyai hala tuju untuk masa hadapan mereka samada di bidang akademik mahupun di bidang kemahiran (skil)

### **MATLAMAT 3**

**Menekankan pendidikan alam sekitar kepada kanak-kanak di Selangor**

#### **TINDAKAN**

1. Menerapkan kembali konsep 3Rs '*reduce, reuse and recycle*' dalam setiap lapisan masyarakat dan komuniti dengan memperkasakan dalam bentuk dasar
2. Meningkatkan kesedaran masyarakat, ibu bapa terhadap konsep 3Rs seterusnya memudahkan penerapan dalam diri kanak-kanak dalam kehidupan harian
3. Meningkatkan pengetahuan kanak-kanak dalam cara pengasingan sampah, pelupusan sisa pepejal, serta cara membentuk semula sisa-sisa pepejal bagi penggunaan semula demi kesejahteraan
4. Mendedahkan ilmu pengetahuan bencana alam melalui saluran media Kerajaan Negeri Selangor dan wacana kanak-kanak untuk mendedahkan kanak-kanak kepada protokol sewaktu bencana alam seperti banjir kilat
5. Meneliti semula protokol pengurusan bencana dan menerapkan peranan kanak-kanak dalam pengolahan protokol untuk memastikan kanak-kanak peka dan cakna tentang ilmu pengetahuan kesiapsiagaan bencana alam

### **MATLAMAT 4**

**Tumpuan pada pendidikan sivik, demokrasi dan kenegaraan**

#### **TINDAKAN**

1. Kegiatan penyebaran kandungan pendidikan sivil dan demokrasi di media sosial untuk memaksimumkan pendedahan anak muda terhadap Undi 18 dan isu semasa
2. Mewujudkan kumpulan yang berpandangan sama '*like-minded*' di alam persekolahan sebagai persediaan ke arah kesedaran sivik yang mantap, melalui program komuniti '*community outreach*' dan program berteraskan kepimpinan pemuda
3. Menyediakan modul atau pendekatan alternatif berhubung kenegaraan dan demokrasi sebagai persediaan awal kanak-kanak
4. Menekankan aspek nilai '*universal*' dengan menyetengahkan elemen etika, integriti, kepelbagaian dan skil kehidupan ('*life skills*') dari peringkat awal melalui pendekatan komuniti dan modul pendidikan alternatif
5. Memantau perlakuan tenaga pendidik di peringkat institusi pendidikan supaya tiada indoktrinasi politik yang berleluasa di negeri Selangor



## **MATLAMAT 5**

**Memberi penekanan kepada pendidikan seni, kreatif, kebudayaan dan sastera kepada kanak-kanak negeri Selangor**

### **TINDAKAN**

1. Mewujudkan Sekolah Seni Selangor di beberapa daerah bagi memperkenalkan asas seni dan budaya (muzik, seni visual, seni digital, teater, komunikasi visual dan lain-lain) secara lebih menyeluruh dan mendalam kepada golongan kanak-kanak negeri Selangor khususnya mereka yang berada di peringkat menengah
2. Mengadakan program dan aktiviti berbentuk kesenian dan kebudayaan yang sesuai dengan adat dan 'trend' semasa – seperti tayangan filem, bicara muzik dan budaya, festival seni dan kebudayaan moden untuk manfaat warga Selangor (termasuk kanak-kanak)
3. Mempergiat aktiviti pertukaran budaya dengan negeri lain dan negara serantau bagi mendedahkan kanak-kanak kepada keindahan nilai dan seni yang ada
4. Memperbanyakkan program pembangunan skil dan potensi dalam bidang seni untuk kanak-kanak di negeri Selangor (bengkel pembuatan video pendek, penghasilan muzik, seni kreatif termasuk aspek pembikinan skrip dan unsur teknikal, kelas lukisan dan lain-lain)
5. Mendedahkan kanak-kanak kepada aspek penulisan kreatif dan sastera bagi menghidupkan kembali sejarah dan budaya Malaysia

## **MATLAMAT 6**

**Memperkuh pemantauan isu pendidikan melibatkan kanak-kanak di negeri Selangor**

### **TINDAKAN**

1. Menubuhkan jawatankuasa / kumpulan bertindak khas untuk memantau isu pendidikan kanak-kanak melibatkan ibu bapa, tenaga pengajar, NGO, pakar akademik, industri dll
2. Menggalakkan persatuan ibu bapa dan guru untuk lebih aktif dengan mengadakan pertemuan mingguan atau bulanan antara satu sama lain

## **MATLAMAT 7**

**Memperkuh sistem pembangunan sukan melibatkan kanak-kanak di peringkat rendah dan menengah**

### **TINDAKAN**

1. Bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor untuk memberi tumpuan khusus kepada sukan membangun di negeri Selangor
2. Mewujudkan liga sukan berstruktur di peringkat sekolah dan komuniti untuk mengenalpasti bakat dan potensi kanak-kanak dari awal
3. Meningkatkan dana dan sumber untuk membangunkan infrastruktur sukan di sekolah-sekolah dan komuniti di negeri Selangor
4. Membekalkan sokongan komprehensif untuk pembangunan sukan di peringkat akar umbi
5. Mewujudkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh tempatan, serantau dan antarabangsa untuk memacu perkembangan sukan kanak-kanak negeri Selangor



## Domain 4 Kesihatan

### ISU TERAS

1. Pengambilan nutrisi makanan dan masalah kesihatan
2. Pengambilan makanan kurang berkhasiat terutamanya di sekolah
3. Ketidapatuhan pihak kantin kepada piawaian penyediaan makanan sekolah
4. Masalah kesihatan mental berleluasa dalam kalangan kanak-kanak
5. Ibu bapa kekurangan sumber berkenaan kursus perkembangan kanak-kanak
6. Ibu bapa kekurangan kecekapan kesihatan mental (*mental health literacy*) untuk mengecam tanda perawalan (*early signs*) anak-anak yang mengalami masalah kesihatan mental
7. Kurang aktiviti fizikal dalam kalangan kanak-kanak

## **MATLAMAT 1**

**Mendedahkan kepentingan aspek kesihatan kanak-kanak kepada ibu bapa**

### **TINDAKAN**

1. Meningkatkan program pendedahan kesihatan fizikal, mental dan emosi bersama golongan ibu bapa dan kanak-kanak melalui inisiatif Selangor Sihat
2. Mendedahkan kanak-kanak kepada aspek fisiologi and kesihatan reproduktif menggunakan kaedah yang bersesuaian
3. Mewujudkan platform mesra keluarga yang membolehkan keluarga mendapatkan bimbingan & tunjuk ajar berkaitan aspek kesihatan kanak-kanak
4. Memperluas program saringan kesihatan kanak-kanak ke peringkat umur yang lebih rendah bagi mengenalpasti sebarang isu kesihatan yang wujud di peringkat yang lebih awal

## **MATLAMAT 2**

**Menarik perhatian masyarakat kepada pengambilan nutrisi dan pemakanan kanak-kanak negeri Selangor**

### **TINDAKAN**

1. Memperluas fungsi aplikasi 'Selangkah' yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi pendedahan kepada aspek kesihatan dan nutrisi (termasuk untuk golongan kanak-kanak)
2. Memberi baucer makanan untuk kanak-kanak dan ibu mengandung berdasarkan pendapatan isi rumah sehingga anak mencapai usia 4 tahun
3. Menyediakan garis panduan pemakanan dalam bentuk media bercetak untuk penerima dan pemberi program bakul makanan, terutamanya mereka yang kekurangan dan terlebih berat badan (*malnourished* atau *overnourished*)
4. Memperluas pemberian suplemen nutrien berasaskan lipid kuantiti kecil pencegahan untuk kanak-kanak berumur 6-23 bulan
5. Mempromosikan intervensi bersepadu (diet, senaman, dan terapi tingkah laku) melalui kursus keibubapaan
6. Membekalkan suplemen mikronutrien berbilang antenatal kepada ibu mengandung
7. Mengadakan kursus kepada ibubapa dan kanak-kanak tentang cara menyediakan makanan yang sihat
8. Mengawal mutu menu makanan sekolah di seluruh Selangor – khususnya institusi pendidikan di bawah seliaan dan pemantauan agensi kerajaan negeri
9. Mewujudkan bank susu untuk membantu golongan ibu yang menghadapi masalah dari sudut penyusuan anak dan ibu bekerja di negeri Selangor

## **MATLAMAT 3**

### **Menekankan kesihatan mental kanak-kanak negeri Selangor**

#### **TINDAKAN**

1. Membekalkan perkhidmatan kaunseling kanak-kanak (KAUNSKA) iaitu dengan mendirikan satu pasukan yang terbentuk daripada pakar kaunselor untuk memberikan khidmat nasihat khusus bagi kanak-kanak untuk memastikan kesejahteraan mental / emosi
2. Mempromosikan mekanisma Kesihatan Mental Selangorku yang mengandungi pemerksaan ahli komuniti untuk mengenali hak asasi individu dan sumber-sumber rujukan yang boleh dituju semasa menghadapi masalah kesihatan mental (termasuk gangguan seksual dan keganasan domestik)

## **MATLAMAT 4**

### **Meneliti aspek kesihatan fizikal kanak-kanak**

#### **TINDAKAN**

1. Memperkenalkan dan menggalakkan pendidikan seks kepada semua pelajar di setiap peringkat sekolah, terutamanya tentang penyakit berjangkit sosial, perancangan keluarga dan cara mencegah kehamilan
2. Kempen kesedaran bersepadu tentang pendidikan seks disebarikan oleh badan-badan bukan kerajaan dan kerajaan di media sosial (ie. TikTok, Instagram, Facebook, YouTube, Twitter dll)
3. Memperuntukkan 1 hari khusus bagi kanak-kanak di Selangor untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti anjuran kerajaan negeri bersama pihak berkepentingan yang lain
4. Menambahbaik sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dengan mengadakan karnival kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai program seperti kesihatan, pembelajaran, keselamatan, serta aktiviti perkembangan kanak-kanak

## **MATLAMAT 5**

### **Melibatkan pemegang taruh penting dalam bidang kesihatan kanak-kanak**

#### **TINDAKAN**

1. Memacu kerjasama bersepadu dengan badan bukan kerajaan dan wakil komuniti untuk memantau situasi kesihatan kanak-kanak di seluruh negeri Selangor
2. Mengadakan kursus tentang penjagaan kanak-kanak untuk ibu bapa, guru-guru dan penjaga / pengasuh kanak-kanak
3. Mengeratkan kerjasama kerajaan negeri dengan majlis tempatan serta kerajaan persekutuan untuk kempen pendidikan seks di kalangan kanak-kanak terutamanya remaja.
4. Mengadakan kursus untuk kanak-kanak di setiap peringkat sekolah melalui media digital untuk mendidik tentang cara mengelakkan kehamilan, tingkah laku sosial yang selamat dan kepentingan nyawa bayi

## Domain 5 Kesejahteraan Keluarga

### ISU TERAS

1. Ketidakstabilan kewangan dan masalah dalaman keluarga
2. Perhubungan kekeluargaan dan komunikasi antara ibu bapa dan anak yang agak kurang stabil
3. Persekitaran untuk proses pembesaran kanak-kanak
4. Isu domestik yang tidak dimaklumkan – keganasan rumah tangga, isu tanggungjawab dll

#### **MATLAMAT 1**

Memastikan golongan ibu bapa dan penjaga berada dalam situasi kewangan yang baik untuk menjaga ahli keluarga dan kanak-kanak

#### **TINDAKAN**

1. Melaksanakan program celik kewangan '*financial literacy*' di kawasan terpilih seperti Program Perumahan Rakyat (PPR)
2. Meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung peranan seantara golongan ibu dalam sesebuah keluarga (termasuk wanita bekerja)
3. Mempertingkatkan peluang menjana pendapatan untuk golongan wanita / suri rumah
4. Menekankan kepentingan penglibatan wanita bekerja, khususnya golongan berskil tinggi kepada pendapatan keluarga dan ekonomi negeri

#### **MATLAMAT 2**

Memelihara keharmonian rumah tangga dan keluarga di negeri Selangor

#### **TINDAKAN**

1. Memperbanyakkan program kekeluargaan di komuniti-komuniti di seluruh negeri melalui aktiviti tertentu termasuk hari keluarga, karnival dan sebagainya
2. Memperbanyakkan aktiviti dan perbincangan bersama yang melibatkan komuniti – memantapkan kebersamaan dalam masyarakat dan membantu perkembangan kanak-kanak dalam jangka masa panjang
3. Mengadakan kursus keibubapaan yang membimbing ibu bapa tentang cara berkomunikasi secara efektif dengan anak-anak – khususnya untuk ibu bapa yang memiliki anak yang meningkat remaja

### **MATLAMAT 3**

Menyediakan ruang untuk ahli masyarakat (termasuk kanak-kanak) berkongsi masalah dan mendapatkan bantuan

### **TINDAKAN**

1. Menekankan elemen komunikasi dalam persekitaran dan komuniti
2. Memperluas peranan kumpulan sokongan yang dapat membantu menangani isu domestik - dengan memperkasa NGO sedia ada
3. Menempatkan sukarelawan atau wakil agensi yang berkenaan di setiap kawasan DUN bagi membolehkan laporan segera dibuat jika ada kes serius
4. Mendedahkan golongan kanak-kanak kepada hak undang-undang (*'legal rights'*) dan saluran yang betul sekiranya timbul kes serius yang memerlukan perhatian





## Domain 6 Perkembangan Sosial & Komunikasi

### ISU TERAS

1. Perkembangan kognitif kanak-kanak terganggu akibat pandemik COVID-19
2. Ibu bapa kurang meluangkan masa berkualiti dan memantau anak-anak
3. Pengaruh persekitaran terhadap perkembangan komunikasi dan sosial kanak-kanak remaja
4. Kanak-kanak mengalami isu pertuturan (terutamanya yang terdedah kepada peranti elektronik dari muda)
5. Kurang pergaulan dengan kanak-kanak berlainan latar belakang bangsa dan agama
6. Kanak-kanak hilang keyakinan dan kemampuan berinteraksi disebabkan Covid-19 dan ketiadaan perjumpaan fizikal

## **MATLAMAT 1**

Memacu perkembangan sosial kanak-kanak di Selangor dengan menekankan aspek komunikasi awal

### **TINDAKAN**

1. Memperkenalkan program terapi pertuturan dan komunikasi awal kanak-kanak
2. Melaksanakan inisiatif celik digital dan tanggungjawab penggunaan teknologi
3. Mengadakan pendidikan secara tidak formal bertujuan untuk kanak-kanak bergaul dan menambahbaik 'soft skills' yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas

## **MATLAMAT 2**

Meningkatkan keyakinan kanak-kanak untuk berhubung

### **TINDAKAN**

1. Mewujudkan program 'mentor-mentee' untuk kanak-kanak di negeri Selangor
2. Menghidupkan kumpulan sokongan untuk kanak-kanak berdasarkan minat, kawasan dan latar belakang
3. Memperuntukkan 1 hari khusus untuk kanak-kanak di Selangor terlibat dalam pelbagai aktiviti anjuran kerajaan negeri bersama pihak berkepentingan yang lain
4. Melaksanakan karnival bagi kanak-kanak dengan penyediaan aktiviti yang menarik serta membantu sisi perkembangan, keselamatan, kesihatan kanak-kanak di semua lapisan

## **MATLAMAT 3**

Memupuk sifat kepimpinan dalam diri kanak-kanak negeri Selangor

### **TINDAKAN**

1. Mewujudkan Institusi Kepimpinan Kanak-Kanak Negeri Selangor untuk membangunkan kumpulan kanak-kanak yang mampu memimpin di masa hadapan
2. Mengadakan kem bina diri (ala 'summer camp') melibatkan kanak-kanak di seluruh negeri untuk memupuk jati diri dan membina karakter
3. Membangunkan program 'Sidang Kanak-Kanak Negeri Selangor' untuk mendedahkan kanak-kanak kepada bidang pengucapan awam
4. Mengadakan program 'ADUN Remaja' untuk kanak-kanak memahami peranan pemimpin masyarakat
5. Memberi peluang kepada kanak-kanak terpilih untuk berinteraksi dengan barisan kepimpinan negeri

## **MATLAMAT 4**

Memupuk semangat kebersamaan dan perpaduan

### **TINDAKAN**

1. Menggalakkan pembelajaran bahasa ketiga dalam kalangan kanak-kanak
2. Mengadakan program rentas komuniti / sekolah bagi membolehkan kanak-kanak berkenalan dengan masyarakat berlainan budaya dan latar belakang (Hari Sukan Kanak-Kanak Selangor, Hari Kebudayaan Selangor dan lain-lain)



## Domain 7 Teknologi Dalam Perkembangan Kanak-Kanak

### ISU TERAS

1. Pendedahan teknologi dalam kehidupan kanak-kanak
2. Konsep 'digital parenting' yang masih belum diutamakan oleh kebanyakan ibu bapa
3. Jurang penggunaan peranti digital dan teknologi antara kanak-kanak kawasan luar bandar dan bandar
4. Pemantauan terhadap penggunaan peranti dan teknologi
5. Penggunaan teknologi untuk menjana pendapatan bagi kanak-kanak
6. Penggunaan teknologi untuk meningkatkan skil dan kebolehan kanak-kanak

### MATLAMAT 1

Memastikan kanak-kanak tidak terpesong daripada tujuan asal penggunaan teknologi

### TINDAKAN

1. Mendedahkan kanak-kanak kepada unsur penggunaan teknologi secara selamat
2. Mempertingkatkan program keibubapaan berkaitan celik teknologi dan '*digital parenting*'
3. Mewujudkan kumpulan sokongan / bimbingan bagi mengelakkan dan mengurangkan ketagihan digital
4. Mengadakan kursus untuk kanak-kanak belajar tentang tanggungjawab mereka dalam menilai maklumat yang sesuai daripada platform atas talian dan bentuk media lain
5. Menjalankan bengkel intensif yang mengajar cara menggunakan peranti elektronik dengan betul
6. Mempertingkatkan tanggungjawab guru-guru dan ibu bapa untuk memantau maklumat yang diakses oleh kanak-kanak di bawah jagaan mereka melalui kempen meningkatkan kesedaran

### MATLAMAT 2

Mendedahkan kanak-kanak kepada peluang yang boleh diperolehi melalui akses kepada teknologi

### TINDAKAN

1. Membimbing kanak-kanak untuk menggunakan teknologi secara sihat (pembelajaran, skil, kemahiran hidup dan lain-lain)
2. Melantik sukarelawan / NGO yang kompeten untuk memantau kanak-kanak dalam bidang teknologi dan membantu kanak-kanak menguasai kandungan bermanfaat yang wujud
3. Bekerjasama dengan komuniti untuk memantau kandungan yang sering diakses kanak-kanak, sekali gus memperkasa kesedaran komuniti tentang penggunaan teknologi dan digital yang betul

### **MATLAMAT 3**

Menyediakan peranti yang bersesuaian dan mencukupi dengan keperluan semasa kanak-kanak

### **TINDAKAN**

1. Inisiatif untuk membekalkan peranti digital secara sama rata
2. Menyediakan platform untuk keluarga memerlukan dan kanak-kanak berkeperluan memohon peranti untuk tujuan yang dibenarkan melalui saluran NGO atau agensi kerajaan negeri
3. Bekerjasama dengan pihak badan bukan kerajaan untuk mengumpulkan peranti elektronik terpakai untuk diedarkan kepada kanak-kanak yang memerlukan





## Domain 8 Infrastruktur & Keselamatan

### ISU TERAS

1. Penaiktarafan infrastruktur sedia ada
2. Keselamatan persekitaran
3. Menambahkan jumlah kemudahan di kawasan luar bandar

### MATLAMAT 1

Mengoptimumkan ruang sedia ada untuk membantu perkembangan dan meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak

### TINDAKAN

1. Menggunakan semula / memanfaatkan semula (*repurpose*) bangunan-bangunan kerajaan yang tidak digunakan untuk dijadikan taska / tadika bagi kegunaan penjawat awam
2. Menyediakan garis panduan mengenai piawaian minimum tempat tinggal
3. Mengenalpasti kawasan bersesuaian di kawasan tumpuan sektor ekonomi untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak yang mudah diakses dengan kos berpatutan

### MATLAMAT 2

Mewujudkan persekitaran dan komuniti yang selamat untuk didiami keluarga dan kanak-kanak

## **TINDAKAN**

1. Bekerjasama dengan PBT dan pihak polis untuk meningkatkan rondaan di sekitar kawasan taman permainan dan rekreasi kanak-kanak
2. Menempatkan pengawal keselamatan khusus bagi memantau kanak-kanak termasuk kanak-kanak berkeperluan khas di tempat yang berisiko
3. Menyediakan lebih banyak CCTV di kawasan-kawasan berisiko tinggi
4. Menubuhkan pusat perlindungan khas yang boleh menempatkan golongan wanita dan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan teliti
5. Membangunkan kawasan selamat untuk kebaikan komuniti dan kanak-kanak - seperti perpustakaan mainan dan pusat pembelajaran di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)
6. Menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam kelas seni pertahankan diri di sekolah-sekolah / kawasan tempat tinggal
7. Memperluas capaian perkhidmatan bas percuma untuk kanak-kanak di Selangor ke komuniti-komuniti berkepadatan tinggi
8. Memperkukuh kerjasama dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan bagi menyediakan ruang untuk kanak-kanak melaporkan sebarang kes termasuk penderaan dan gangguan fizikal / seksual / emosi
9. Mewujudkan '*one-stop crisis center*' di setiap kawasan DUN bagi membantu kanak-kanak dan ahli masyarakat yang menghadapi sebarang kecemasan atau memerlukan sokongan / bantuan khusus

## **MATLAMAT 3**

**Menyediakan fasiliti yang sesuai dengan keperluan dan keadaan fizikal kanak-kanak yang sedang membesar**

## **TINDAKAN**

1. Mengenalpasti semua bentuk kelainan upaya kanak-kanak bagi memastikan setiap kemudahan yang akan dibina / naik taraf mengikut prospek atau tanpa membelakangkan golongan kanak-kanak berkeperluan khas
2. Mewujudkan klasifikasi setiap peralatan / permainan yang sedia ada dan bakal ada di taman aktiviti kanak-kanak mengikut setiap peringkat umur
3. Menambahbaik mutu kemudahan asas di kawasan luar bandar bagi memastikan kanak-kanak di luar bandar boleh membesar dengan baik (cth. Bekalan elektrik, air dan capaian Internet)

## **MATLAMAT 4**

**Memberdaya kumpulan komuniti untuk bersama memikul tanggungjawab melindungi persekitaran tempat tinggal**

## **TINDAKAN**

1. Mengadakan program kesedaran jenayah melalui kempen kesedaran berbentuk ceramah di sekolah, tadika, dan taska
2. Melibatkan komuniti dalam pengurusan kemudahan setempat (pusat komuniti / perpustakaan / pusat siber)
3. Membantu pihak berkuasa dengan bersama mengadakan rondaan setempat bagi mengenalpasti risiko yang wujud dan menjaga kebersihan fasiliti yang disediakan

## Domain 9 Tahap Sosioekonomi Keluarga

### ISU TERAS

1. Faktor sosioekonomi dalam perhubungan kekeluargaan
2. Sokongan pembangunan sosioekonomi demi masa depan kanak-kanak muda
3. Kekurangan kesiapsiagaan untuk masa depan selepas alam persekolahan

#### **MATLAMAT 1**

Memastikan keperluan utama kanak-kanak di negeri Selangor dapat dipenuhi

#### **TINDAKAN**

1. Pemindahan wang tunai (*cash transfer*) secara bersasar untuk keluarga B40 & M40
2. Pendedahan kepada program perancangan kewangan dan pelaburan buat golongan ibu bapa dan kanak-kanak
3. Program bimbingan kerjaya dan sokongan pendapatan untuk keluarga / ibu bapa yang memerlukan (termasuk wanita bekerja dan berskil tinggi bagi mengelakkan keciciran jangka panjang)
4. Kerajaan memberi subsidi / rebat / potongan yuran / bantuan kewangan / baucar diskaun bagi ibubapa yang menghantar anak ke pusat penjagaan kanak-kanak

#### **MATLAMAT 2**

Membantu kanak-kanak merancang masa hadapan melalui pendedahan awal

#### **TINDAKAN**

1. Pembangunan intensif dalam aspek skil dan kemahiran kanak-kanak (termasuk TVET)
2. Inisiatif pendedahan kerjaya dan perancangan masa depan
3. Melibatkan kanak-kanak dalam program keusahawanan dari peringkat umur yang masih muda





## Domain 10 Penglibatan Pemegang Taruh

### ISU TERAS

1. Penglibatan dan peranan pemegang taruh yang tidak jelas
2. Konsep inklusiviti diperlukan dalam polisi dan inisiatif yang sedia ada
3. Kurang liputan konsisten dari pihak media berhubung isu kanak-kanak
4. Kaedah penyelesaian masalah berhubung kanak-kanak yang tidak berstruktur dan berkesinambungan
5. Kurang perhatian kepada kumpulan kanak-kanak yang terpinggir seperti pesalah juvana, pelajar tahfiz, anak yatim, Orang Asli, golongan 'stateless' dan 'dropout'

### MATLAMAT 1

Mewujudkan perancangan tersusun di peringkat kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu kesejahteraan kanak-kanak di negeri Selangor

### TINDAKAN

1. Mewujudkan platform yang membolehkan isu kanak-kanak dibincangkan secara menyeluruh - Diskusi Meja Bulat Kanak-Kanak Sejahtera (PROKASE) / Diskusi Kesejahteraan & Kebajikan Anak
2. Memperkukuh kerjasama semua pihak - kerajaan negeri, badan korporat, badan bukan kerajaan dan komuniti

3. Menyediakan sistem alternatif sebagai pemudahcara untuk menangani isu berhubung kanak-kanak di negeri Selangor
4. Mewujudkan sebuah jawatankuasa khas dan portfolio khusus di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memantau menumpukan perhatian pada segmen kanak-kanak
5. Menubuhkan Majlis Tindakan Kanak-Kanak Negeri Selangor untuk memantau pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan
6. Membangunkan enakmen / garis panduan berkaitan pengasuhan kanak-kanak di negeri Selangor yang turut merangkumi golongan pengasuh di rumah
7. Menubuhkan Persatuan Ibu Bapa Negeri Selangor sebagai sebuah kumpulan sokongan dan perantara dengan pemegang taruh tertentu
8. Melibatkan ahli masyarakat dan komuniti sebagai sukarelawan dalam menangani isu berkaitan kanak-kanak di negeri Selangor
9. Menyelaras kerjasama di antara badan sukarelawan dan pembangunan komuniti utama di negeri Selangor seperti Penggerak Belia Selangor (PeBS), Team Selangor, Sukarelawan Selangor (SERVE), Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan Sukarelawan Kesihatan (SUKE) untuk membantu melaksanakan program-program pembangunan kanak-kanak di seluruh negeri
10. Berkerjasama dengan pemain industri dan agensi terbabit di peringkat persekutuan dan negeri Selangor untuk mempertingkatkan jumlah pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan pusat perniagaan, terutamanya di kawasan tumpuan

## **MATLAMAT 2**

**Memastikan isu dan perkembangan melibatkan kanak-kanak di negeri Selangor menerima perhatian masyarakat umum**

## **TINDAKAN**

1. Memperluas capaian untuk menyebarkan isu dan maklumat berkaitan kanak-kanak di negeri Selangor melalui saluran media (termasuk Media Selangor)
2. Menggunakan pendekatan kreatif untuk menyampaikan maklumat kepada penduduk negeri Selangor melalui kerjasama kukuh antara agensi kerajaan negeri bersama kerajaan tempatan, wakil DUN dan pemimpin komuniti
3. Pengumuman perkhidmatan awam (PSA) melalui pesanan ringkas (SMS), media sosial bagi penerapan nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan, kesihatan, serta program-program yang dinaungi kerajaan negeri untuk kesejahteraan kanak-kanak negeri Selangor
4. Meningkatkan kerjasama dan usahasama dengan media dalam melaporkan berita tentang kanak-kanak

## **MATLAMAT 3**

**Memberi ruang kepada golongan kanak-kanak untuk diraikan / dilibatkan dalam proses pelaksanaan dasar**

## **TINDAKAN**

1. Melantik sekumpulan 'Ikon Muda Selangor' yang berkelayakan untuk menyampaikan isu-isu atau permasalahan yang dialami kanak-kanak kepada pemimpin kerajaan negeri
2. Melantik beberapa pemimpin kelainan upaya / istimewa atau dari segmen kanak-kanak terpinggir ('stateless', 'dropout', anak yatim dll) sebagai wakil di jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menyuarakan kepentingan segmen berkenaan

## **MATLAMAT 4**

**Menekankan sistem pengurusan yang efisien demi merancang program dan aktiviti yang bersesuaian dengan latar belakang segmen kanak-kanak di negeri Selangor:**

### **TINDAKAN**

1. Mewujudkan satu platform untuk pemetaan data (*data mapping*) dari semua pihak pemegang taruh di Selangor
2. Mewujudkan pengkalan data untuk memantau kanak-kanak yang tidak meneruskan pembelajaran untuk memudahkan program pendidikan skil serta kemahiran untuk pembangunan kualiti diri dalam menempuh masa hadapan
3. Melancarkan perkongsian data sesama pemegang taruh secara beretika bagi tujuan memastikan perkhidmatan bantuan yang cekap kepada kanak-kanak
4. Mengukuhkan pemantauan dan penilaian (M&E) setiap program yang dilaksanakan untuk memastikan keberkesanan program sedia ada
5. Menghasilkan satu aplikasi bersepadu yang menyediakan kemudahan bagi ibu bapa dan juga kanak-kanak untuk tujuan mendapatkan informasi berkenaan program-program yang memanfaatkan kanak-kanak di negeri Selangor
6. Menambahbaik dan mempermudah sistem permohonan bantuan bagi kanak-kanak agar mudah diakses oleh setiap lapisan masyarakat
7. Menyediakan kaedah alternatif supaya ibu bapa dan penjaga tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada permohonan di laman web badan pemegang taruh / agensi
8. Mengiktiraf dan memperluas peranan pekerja sosial dalam membantu menangani isu berkaitan kanak-kanak di peringkat negeri Selangor

## **MATLAMAT 5**

**Mewujudkan mekanisme khas untuk membantu golongan kanak-kanak terpinggir dan berkeperluan khas**

### **TINDAKAN**

1. Mengadakan Hari Kanak-Kanak Istimewa Negeri Selangor bagi meningkatkan pendedahan terhadap golongan kanak-kanak istimewa kepada masyarakat
2. Melaksanakan program pendedahan kerjaya untuk kanak-kanak terpinggir dan berkeperluan khas setiap tahun dengan kerjasama agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor seperti Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
3. Menyediakan lebih banyak peluang latihan dan peluang pekerjaan untuk kanak-kanak terpinggir
4. Mengadakan himpunan / lawatan ke rumah perlindungan kanak-kanak terpinggir yang terdapat di Selangor secara berkala bagi menyantuni segmen berkenaan
5. Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan sokongan terhadap kanak-kanak terpinggir
6. Menyediakan lebih ramai kaunselor terlatih dalam pemberian khidmat sokongan kaunseling kepada mangsa-mangsa di pusat perlindungan dan tumpangan
7. Memperluas capaian seminar dan aktiviti komuniti berteraskan keibubapaan dan untuk kanak-kanak berkeperluan khas melalui platform Anak Istimewa Selangor (ANIS)
8. Menyediakan kursus tambahan kepada guru-guru/pengasuh yang menguruskan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak di pusat juvana



## JANGKAAN (OUTCOME)

Pencapaian dasar ini diukur melalui *outcome* berikut:

- I. Pengurangan kadar kesihatan terbantut, malnutrisi dan obesiti kanak-kanak.
- II. Peningkatan kualiti pengasuh kanak-kanak
- III. Peningkatan tempat pusat jagaan kanak-kanak
- IV. Peningkatan kadar pekerjaan golongan wanita
- V. Peningkatan tahap kesihatan dan keselamatan melalui prasarana dan infrastruktur swasta dan awam
- VI. Peningkatan kebajikan golongan kanak-kanak berkeperluan khas dan minoriti – orang asal, anak yatim, kanak-kanak tidak terkawal dan kanak-kanak tanpa dokumen & kewarganegaraan.
- VII. Peningkatan akses pendidikan yang sama rata dan saksama
- VIII. Peningkatan kadar kepuasan golongan berhubung kait dengan kanak-kanak tentang keprihatinan dan bantuan yang disediakan
- IX. Peningkatan kadar kepuasan komuniti terhadap hasil kerjasama strategik yang terjalin antara badan awam, swasta dan NGO.
- X. Peningkatan kadar inklusiviti golongan yang memerlukan perhatian dan memenuhi teras agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bertemakan “*Sustainable Development Goals* (SDG): “Tiada Sesiapa Yang Tertinggal” (*No One Left Behind*).
- XI. Peningkatan dalam peratusan remaja yang mendapat bimbingan minat dan karier.
- XII. Peningkatan kadar keberkesanan terhadap program yang dianjurkan oleh komuniti.
- XIII. Peningkatan penglibatan aktif komuniti dalam program-program dan inisiatif yang dilaksanakan.
- XIV. Peningkatan semangat jati diri serta semangat kesukarelawanan untuk melibatkan diri dalam program kanak-kanak.
- XV. Peningkatan kesedaran kanak-kanak belia terhadap pendidikan sivik dan demokrasi serta cakna dengan perkembangan isu semasa negara
- XVI. Peningkatan kesedaran kanak-kanak terhadap ilmu pengetahuan kesiapsiagaan untuk menghadapi bencana alam sejak awal umur.



**BAB 5**  
**HARAPAN MENUJU 2025**

# HARAPAN MENUJU 2025



## HARAPAN MENUJU 2025

1. Penekanan dan keperluan untuk penerapan modul keibubapaan dalam kursus pra-perkahwinan
2. Lebih banyak penyelidikan berhubung kaedah berkesan untuk menyampaikan mendidik kanak-kanak tentang kesihatan reproduktif
3. Penekanan dan pengukuhan sistem sokongan kesihatan mental ekoran daripada pandemik COVID-19
4. Penetapan aturan industri penjagaan '*care industry*' di negeri Selangor untuk meningkatkan kualiti sumber pengasuh dan menggalakkan penglibatan golongan ibu dalam alam pekerjaan
5. Adaptasi dan inovasi pendekatan pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah dan pendidikan awal dalam norma baru
6. Penyediaan ilmu pengetahuan dan kemahiran tenaga pendidik ke arah '*Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*'
7. Penyediaan ilmu pengetahuan dan kemahiran digital yang mampan untuk kanak-kanak dan golongan ibu bapa dan memastikan penggunaan teknologi mencapai matlamat yang optimum
8. Peruntukkan belanjawan untuk peningkatan bimbingan dan pengetahuan usahawan antara kanak-kanak remaja sebagai pendedahan kepada minat dan pemilihan hala tuju kerja

9. Penekanan dalam pendidikan sivil dan pendedahan dalam penyertaan politik dari umur awal sebagai persediaan Negeri Selangor ke arah kepimpinan yang berkaliber dan tuteh kepada kedaulatan undang-undang.
10. Penyelarasan taraf infrastruktur dan kemudahan awam untuk akses sama rata kepada semua kanak-kanak
11. Pewujudan pelaksanaan Modul Kejurulatihan '*Training of Trainers*' Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 secara berterusan sebagai inisiatif untuk memberi latihan dan pemahaman dasar yang dibentuk kepada pelaksana, persatuan dan pertubuhan belia dan pihak berkepentingan dalam pembangunan kanak-kanak Selangor agar agenda pembangunan kanak-kanak dapat direalisasikan secara berkesan dan optimum.
12. Penekanan proses Pemantauan dan Penilaian yang berkala, berkualiti dan mengikut keperluan semasa.
13. Menentukan peruntukan khas pembangunan kanak-kanak dalam belanjawan negeri pada setiap tahun dengan mengambil kira keperluan yang digariskan dalam dasar kanak-kanak yang dibangunkan.
14. Mencadangkan agar Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 ini dilaksanakan dalam tempoh 3-5 tahun bagi memastikan kesinambungan agenda pembangunan kanak-kanak Selangor berjalan secara tersusun dan lancar mengikut garis masa yang munasabah.
15. Penubuhan Exco Kanak-Kanak Negeri Selangor yang tersendiri di peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk menumpukan perhatian pada kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak.
16. Keperluan untuk kerjasama berkala antara kerajaan negeri dengan pihak badan bukan kerajaan secara akrab melalui perjumpaan berkala.
17. Menglibatkan penyertaan kanak-kanak dalam setiap proses pembuat keputusan
18. Penekanan terhadap hak dan keperluan golongan minoriti untuk melaksanakan dasar secara adil dan saksama







# BAB 6

## PENUTUP



## PENUTUP

Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 menyediakan prinsip dan pelan tindakan komprehensif yang memberi kepentingan sama rata kepada golongan kanak-kanak. Menerusi dasar ini, semua pihak perlu memberi kerjasama untuk memastikan matlamat serta objektif yang digariskan dapat dicapai dan membawa perubahan positif terhadap komuniti yang disasarkan.

Sekiranya semua cabaran berhubung isu kanak-kanak dapat diselesaikan dengan jayanya, negeri Selangor tentunya boleh melihat hasil yang positif daripada dasar ini dalam tempoh lima ke sepuluh tahun akan datang. Pada masa ini, kerajaan negeri akan memiliki satu panduan yang jelas dan sistematik untuk kanak-kanak yang sejahtera termasuk mampu melahirkan generasi yang mampan. Penekanan terhadap dasar ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan negeri berlandaskan konsep 'Selangor Penyayang'.

# SENARAI AKRONIM DAN SINGKATAN

Akronim	Perkataan Asal
<b>AKP</b>	Anggota Kumpulan Pelaksana
<b>AniS</b>	Anak Istimewa Selangor
<b>ASAS</b>	Anak Selangor Anak Sihat
<b>BKK</b>	Bantuan Kanak-Kanak
<b>COVID-19</b>	<i>'Coronavirus Disease 2019'</i>
<b>CRC</b>	<i>'Convention on the Rights of the Child'</i>
<b>DELIMa</b>	<i>'Digital Education Learning Initiative Malaysia'</i>
<b>DKNN</b>	Dasar Kanak-Kanak Negara
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>iGEMs</b>	Insentif Generasi Muda Selangor
<b>IKTISASS</b>	Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor
<b>JKM</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat
<b>KIDS</b>	Kanak-Kanak Ini Di Sayangi
<b>KIPK</b>	Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak
<b>KISS</b>	Kasih Ibu Smart Selangor
<b>MES</b>	Merakyatkan Ekonomi Selangor
<b>NGO</b>	<i>'Non-Governmental Organization'</i>
<b>PAKK</b>	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak
<b>PBB</b>	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>PBMS</b>	Program Bantuan Masuk Sekolah
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PdPR</b>	Pembelajaran dan Pembelajaran di Rumah
<b>PIBG</b>	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
<b>PINTAR</b>	<i>'Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility'</i>
<b>PKIK</b>	Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang Selangor
<b>PKKK</b>	Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PPKKCTM</b>	Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah
<b>PPR</b>	Program Perumahan Rakyat
<b>PSA</b>	<i>'Public Service Announcement'</i>
<b>PTRS</b>	Pusat Tuisyen Rakyat Selangor
<b>SIPS</b>	Skim Insurans Peduli Sihat
<b>SMS</b>	<i>'Short Message Service'</i>
<b>STDC</b>	Selangor Technical Skills Development Centre
<b>SUHAKAM</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
<b>TAWAS</b>	Tabung Warisan Anak Selangor
<b>Tunas</b>	Skim Bantuan Tabika Selangor
<b>TVET</b>	<i>'Technical and Vocational Education and Training'</i>
<b>UNICEF</b>	<i>'United Nations International Children's Emergency Fund'</i>
<b>YAWAS</b>	Yayasan Warisan Anak Selangor





